



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2022  
DILULUSKAN OLEH DEWAN RAKYAT**

1. Saya telah membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2022 dalam sidang parlimen kali ini. RUU ini telah dibahas dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 5 Oktober 2022.
2. Pencemaran alam sekitar mengancam keselamatan, kesejahteraan rakyat dan mengganggu-gugat kelangsungan aktiviti ekonomi negara. Justeru itu, RUU ini bertujuan meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dengan menambah baik, memantapkan dan meningkatkan kadar penalti serta kompaun bagi membolehkan tindakan tegas dan hukuman setimpal diambil ke atas penjenayah alam sekitar.
3. RUU ini melibatkan pindaan 28 seksyen Akta 127 yang antara lain merangkumi pemantapan hukuman dengan julat kadar denda minimum tidak kurang daripada RM5,000, denda maksimum tidak melebihi RM10 juta dan penjara mandatori tidak melebihi tempoh 5 tahun. Selain itu, kadar kompaun juga telah ditingkatkan daripada tidak melebihi RM2,000 kepada tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.
4. RUU ini menetapkan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual.
5. Selain itu, penjara mandatori tidak melebihi 5 tahun juga boleh dikenakan ke atas kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).

6. KASA yakin RUU ini dapat memantapkan penguatkuasaan, pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berulang di samping mendidik pihak industri dan masyarakat untuk sama-sama melestarikan alam sekitar.
7. Ketegasan melalui peningkatan denda ini adalah sebagai isyarat komitmen berterusan Kerajaan dalam membanteras pencemaran dan jenayah alam sekitar di Malaysia.
8. KASA merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan dan pemuktamadan RUU ini khususnya semua Ahli Dewan Rakyat dan pembahas serta Jabatan Peguam Negara sehingga diluluskan sebulat suara oleh semua Ahli Dewan Rakyat.

- Tamat -

**YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man**

Menteri Alam Sekitar dan Air

5 Oktober 2022